

**SISTEM KEADILAN JUVANA DI MALAYSIA:  
EMPAT PROSPEK PENAMBAHBAIKAN**

***THE JUVENILE JUSTICE SYSTEM IN MALAYSIA:  
FOUR PROSPECTS OF IMPROVEMENT***

**Intan Nooraini Haji Zainol<sup>1\*</sup>, Taufik Mohammad<sup>2</sup> and Azlinda Azman<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

<sup>2</sup>Department of Education and Psychology, Universidade de Tras-os-Montes e Alto Douro, Vila Real, Portugal

\*Corresponding author: [intannooraini@usm.my](mailto:intannooraini@usm.my)

**Published online:** 30 April 2024

**To cite this article:** Intan Nooraini Haji Zainol, Taufik Mohammad and Azlinda Azman. 2024. Sistem keadilan juvana di Malaysia: Empat prospek penambahbaikan. *Kajian Malaysia* 42(1): 209–239. <https://doi.org/10.21315/km2024.42.1.10>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.21315/km2024.42.1.10>

**ABSTRACT**

*The issue of children and adolescents involved in crime is an issue that needs serious attention as statistics and crime rates involving children show instability. There are various prospects for improvement that can be made in the juvenile justice system in Malaysia. Based on the perspective of social sciences and the findings from relevant previous studies, this article explores four prospects for improvement that can be considered by the Malaysian government, especially policy makers; namely the involvement of victims of crime in the justice process, the involvement of community members in the justice process, the active and comprehensive involvement of family members as well as the emphasis on aftercare. In addition, this article discusses the challenges that may be faced by the juvenile justice system that should also be considered in order to facilitate the process of improving the proposed prospects. This article contributes to the literature related to juvenile issues and the juvenile justice system in Malaysia which is expected to provide useful input for the reference of policymakers to further improve the effectiveness of the juvenile justice system in the country.*

**Keywords:** juvenile justice system, Malaysia, child offenders, victims of crime, community

## **ABSTRAK**

*Isu kanak-kanak dan remaja yang terlibat dalam jenayah adalah satu isu yang memerlukan perhatian yang serius berikutan ketidakstabilan dalam statistik dan kadar jenayah yang melibatkan kanak-kanak. Terdapat pelbagai prospek penambahbaikan yang boleh dilakukan dalam sistem keadilan juvana di Malaysia. Berdasarkan perspektif sains sosial dan dapatan kajian lepas yang relevan, artikel ini mengupas empat prospek penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan oleh kerajaan Malaysia khususnya penggubal polisi; iaitu penglibatan mangsa jenayah dalam proses pengadilan, penglibatan ahli komuniti dalam proses keadilan, penglibatan yang aktif dan menyeluruh oleh ahli keluarga serta penekanan terhadap jagaan susul. Selain itu, artikel ini membincangkan cabaran-cabaran yang mungkin akan dihadapi oleh sistem keadilan juvana yang juga harus dipertimbangkan bagi melancarkan proses penambahbaikan prospek-prospek yang dicadangkan. Artikel ini menyumbang kepada literatur berkaitan isu juvana dan sistem keadilan juvana di Malaysia yang diharapkan dapat memberikan input berguna untuk rujukan penggubal polisi bagi meningkatkan lagi keberkesanan sistem keadilan juvana di negara ini.*

**Kata kunci:** sistem keadilan juvana, Malaysia, pesalah kanak-kanak, mangsa jenayah, komuniti

## **PENGENALAN**

Kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang merupakan salah satu isu yang menjadi tumpuan para penggubal polisi sosial di Malaysia berikutan statistik kes jenayah melibatkan kanak-kanak yang tidak konsisten sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ia dapat dibuktikan berdasarkan laporan statistik rasmi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu agensi di bawah pentadbiran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang bertanggungjawab dalam mengendalikan kes dan menyediakan perkhidmatan pemulihan kepada kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang. Sebagai contoh, walaupun jumlah statistik kanak-kanak yang terlibat dalam jenayah telah menunjukkan penurunan bilangan kes daripada 5,153 pada tahun 2014 kepada 4,669 kes pada tahun 2015, namun, bilangan kes berulang telah menunjukkan peningkatan daripada 371 kes pada tahun 2014 kepada 417 pada tahun 2015 (hanya perbandingan pada tahun 2014 dan 2015 dapat dibuat berdasarkan data yang dikemukakan). Malah, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, statistik kanak-kanak yang terlibat dalam jenayah antara tahun 2013 ke tahun 2019 menunjukkan

trend yang tidak stabil. Oleh itu, jurang yang wujud antara kadar kes kali pertama dan kes berulang perlu diberi perhatian.

Jadual 1: Statistik kanak-kanak yang terlibat dalam jenayah

Bangsa	Tahun						
	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Melayu	3,907	3,590	3,289	3,429	3,898	3,826	3,344
Cina	473	414	341	305	360	309	342
India	449	452	411	457	451	403	337
Peribumi	640	439	365	429	443	615	545
Lain-lain	115	258	263	266	291	141	265
Jumlah	5,584	5,153	4,669	4,886	5,443	5,294	4,833

Sumber: JKM (2014; 2015; 2016; 2017; 2018; 2019; 2020).

Implikasi pertama yang dapat dirumuskan berdasarkan data-data dari statistik ini menunjukkan bahawa kes kali pertama dan kes berulang perlu dilihat secara berbeza. Perkara ini bermaksud intervensi yang dilaksanakan meninggalkan kesan pencegahan yang kurang berkesan bagi mengurangkan kes kali pertama. Ia juga menunjukkan bahawa intervensi pemulihan yang digunakan tidak berkesan bagi kes berulang. Namun, Malaysia sebagai salah sebuah negara yang menandatangani perjanjian dengan United Nations Convention on the Rights of the Child (UNCRC) merupakan negara yang mengamalkan prinsip “*The best interest of the child*”—prinsip yang sentiasa mempertimbangkan kepentingan kanak-kanak dalam sebarang keputusan yang dibuat. Implikasinya, pelbagai polisi terkini seperti menggunakan penilaian risiko, penekanan kepada prinsip *deinstitutionalisation* dan sebagainya menjadi prinsip asas dalam sistem keadilan juvana.

Justeru, tindakan mengkaji keberkesanan intervensi yang diambil dalam menangani permasalahan delinkuensi adalah penting memandangkan jumlah kes kanak-kanak yang terlibat dalam jenayah masih tinggi sepanjang tahun. Antara intervensi yang diperuntukkan oleh Akta Kanak-Kanak 2001 di Malaysia melibatkan penempatan di institusi-institusi yang telah diluluskan iaitu Asrama Akhlak (AA), Sekolah Tunas Bakti (STB) dan Sekolah Henry Gurney (SHG) selain turut melepaskan kanak-kanak yang diperintahkan mahkamah dengan syarat-syarat tertentu seperti bon berkelakuan baik atau diletakkan di bawah penjagaan penjaga yang sah.

Perintah yang dikenakan ke atas kanak-kanak untuk dimasukkan ke dalam institusi merupakan salah satu perintah lazim yang sering dikenakan kepada kanak-kanak yang terlibat dalam jenayah. Buktinya, statistik JKM (2016) telah melaporkan seramai 1,228 daripada 4,669 (26.3%) kanak-kanak telah diperintahkan oleh

mahkamah untuk menjalani tempoh percubaan dan tahanan di AA dan STB pada tahun 2015. Namun begitu, bilangan keseluruhan pesalah kanak-kanak yang diperintahkan oleh mahkamah untuk ditempatkan dalam institusi mungkin lebih tinggi memandangkan bilangan pesalah kanak-kanak yang ditahan di SHG tidak termasuk dalam statistik tersebut memandangkan SHG berada di bawah kawalan Jabatan Penjara Malaysia.

## **REALITI SISTEM KEADILAN JUVANA DI MALAYSIA**

Sistem keadilan juvana merujuk kepada mekanisme yang merangkumi undang-undang, prosedur, peruntukan yang digunakan serta institusi dan badan-badan yang berkaitan dengan pengendalian pesalah kanak-kanak yang ditahan atas kesalahan jenayah (KPWKM dan UNICEF Malaysia 2013; Patterson dan Graham 2018). Di Malaysia, Akta Kanak-Kanak 2001 diguna pakai untuk mengendalikan pesalah kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang. Bahagian X Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan prosedur khusus untuk penangkapan, jaminan atau tahanan, perbicaraan dan perintah yang dikenakan serta peranan dan tanggungjawab polis, pegawai percubaan, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dan beberapa institusi berkaitan yang mengendalikan pesalah kanak-kanak. Seksyen 83(1) Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan bahawa penangkapan, penahanan dan perbicaraan kanak-kanak yang melakukan kesalahan mestilah dikendalikan mengikut peruntukan Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu berbeza dari prosedur biasa yang digunakan ke atas individu dewasa yang melakukan kesalahan.

Malah, selari dengan beberapa standard antarabangsa seperti UNCRC dan juga The Beijing Rules, sistem keadilan juvana di Malaysia mengamalkan prinsip-prinsip yang mengutamakan pesalah kanak-kanak sebagai seorang kanak-kanak yang mempunyai hak-hak asasi tertentu. Antara prinsip ini ialah pesalah kanak-kanak tidak boleh dilayan dengan cara yang sama dengan pesalah dewasa dan tidak boleh digari (Norazla et al. 2012). Prinsip-prinsip yang terdapat dalam UNCRC dan The Beijing Rules masih tidak berubah dan kekal sehingga kini. Tambahan pula, salah satu peruntukan dalam Seksyen 91 Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan bahawa perkataan “hukuman” tidak boleh digunakan untuk menggambarkan proses pengadilan ke atas pesalah kanak-kanak.

Selain itu, pindaan terhadap Akta Kanak-Kanak 2001 yang dibuat pada tahun 2016 telah memotong peruntukan mengenai perintah sebatan yang terkandung dalam peruntukan asal Seksyen 91 Akta Kanak-Kanak 2001. Ia telah menunjukkan perkembangan positif ke atas usaha kerajaan Malaysia dalam mempertimbangkan hak asasi kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang. Walaupun sebatan

merupakan satu praktis yang dilihat selari dengan norma budaya dan keagamaan masyarakat Malaysia (Andrews 2019), namun, kekurangan kajian yang mengkaji kesan jangka pendek dan jangka panjang sebatan terhadap perkembangan kanak-kanak menyebabkan kesukaran untuk mengenal pasti kerelevanan praktis ini di era kemodenan khususnya dalam konteks Malaysia.

Walau bagaimanapun, terdapat hujah yang mengatakan bahawa walau apa pun bentuk perintah yang dikenakan oleh seorang Majistret dalam Mahkamah Bagi Kanak-Kanak berdasarkan Seksyen 11(2) Akta Kanak-Kanak 2001, sistem keadilan juvana di Malaysia akan sentiasa kembali kepada prinsip asalnya yang menekankan kepada konsep hukuman (Babulal dan Ying 2018; Dusuki 2010; Norazla et al. 2012). Keadaan ini dapat dilihat melalui beberapa aspek dalam prosedur keadilan juvana yang masih tidak mempertimbangkan status kanak-kanak sebagai pesalah. Contohnya, sesetengah pesalah kanak-kanak masih diletakkan dalam lokap yang sama dengan orang dewasa semasa tahanan. Selain itu, ada juga yang didera oleh pihak berkuasa yang tidak bertanggungjawab bagi mendapatkan pengakuan bersalah seperti yang dilaporkan oleh KPWK dan UNICEF Malaysia (2013) dalam kajian mengenai sistem keadilan juvana di Malaysia.

Malah, sekiranya pemerhatian dibuat secara lebih mendalam, boleh diujahkan bahawa terdapat jurang dalam prosedur sistem keadilan juvana di Malaysia dalam memastikan bahawa hak asasi kanak-kanak dilindungi secara sepenuhnya dan suara kanak-kanak diambil kira dalam proses keadilan (mengintegrasikan suara kanak-kanak dalam pembuatan polisi adalah salah satu cara hak asasi kanak-kanak dilindungi mengikut UNCRC). Menurut UNCRC, terdapat enam hak asasi utama kanak-kanak yang berada dalam tahanan:

1. Hak bagi bantuan perundangan.
2. Hak untuk membuat aduan mengenai kesekatan melampau yang dilakukan ke atas diri (*deprivation of liberty*).
3. Hak untuk tidak dicampur dengan pesalah dewasa.
4. Hak untuk berhubung dengan keluarga.
5. Hak untuk pendidikan dan penjagaan.
6. Hak bagi perlindungan dari segala bentuk penderaan dan keganasan.

Menerusi kajian sistem keadilan juvana di Malaysia dengan menjadikan suara kanak-kanak sebagai sumber maklumat utama, KPWK dan UNICEF Malaysia (2013) mendapati bahawa kanak-kanak dan keluarga sering kali tidak menyedari hak

mereka untuk mendapatkan bantuan guaman yang boleh membantu kanak-kanak melalui proses keadilan. Malah, perkara yang sama turut dilaporkan oleh CRCM (2012) bahawa kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang sering berhadapan dengan kekurangan akses kepada perkhidmatan peguam selain turut berhadapan dengan beberapa isu lain pada peringkat tangkapan, soal siasat dan ikat jamin termasuklah kegagalan polis menghubungi ibu bapa atau penjaga; pegawai akhlak JKM tidak terlibat sehingga kanak-kanak dibawa ke mahkamah; dan polis menggunakan paksaan semasa tangkapan dan soal siasat (Nadzriah dan Habibah 2012). Keadaan ini menunjukkan bahawa pentadbiran sistem keadilan juvana di Malaysia bercanggah dengan hak bagi bantuan perundangan seperti yang telah digarisi oleh UNCRC.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh KPWKM dan UNICEF Malaysia (2013) mengenai sistem keadilan juvana di Malaysia juga telah mendedahkan bahawa kanak-kanak sering dilaporkan mendapat layanan yang teruk dan melalui prosedur yang tidak adil. Selain daripada percanggahan dengan hak bagi perlindungan daripada segala bentuk penderaan dan keganasan, perkara ini juga bercanggah dengan *The principle of proportionality* yang diketengahkan oleh The Beijing Rules. *The principle of proportionality* memperuntukkan bahawa layanan atau hukuman seharusnya bersesuaian dengan keseriusan sesuatu jenayah dan keadaan peribadi kanak-kanak tersebut. Malah, CRCM (2012) turut melaporkan bahawa perintah penahanan yang biasanya dikenakan kepada kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang bukan merupakan langkah terakhir. Malah, perintah menahan mereka di AA dan STB sehingga tempoh tiga tahun kerap dikenakan untuk kesalahan-kesalahan kecil yang jelas tidak selari dengan prinsip perkadaran yang diperuntukkan oleh The Beijing Rules dan UNCRC.

Berdasarkan kepada jurang tersebut, kita perlu melihat semula keberkesanan langkah-langkah penginstitutionan di Malaysia dalam menangani jenayah kanak-kanak. Tambahan pula, terdapat hujah bahawa kaedah penginstitutionan seperti perintah percubaan di AA dan STB dalam konteks Malaysia adalah tidak berjaya dalam mengurangkan delinkuensi (Leve dan Chamberlain 2005; Ogle dan Turanovic 2019) dan penginstitutionan juga tidak mengurangkan kes residivisme (Cullen, Jonson dan Nagin 2011; Geshina Ayu, Zaiharul dan Nor Hafizah 2013). Malah, kajian-kajian lepas juga mendapati bahawa perintah penginstitutionan yang dikenakan tidak terlalu berkesan dalam meningkatkan pematuhan pesalah terhadap undang-undang walaupun selepas mereka dibebaskan daripada tahanan. Azizi dan Jesmin (2008) berhujah bahawa institusi yang dipertanggungjawabkan mempunyai kelemahan dalam memulihkan pesalah remaja menggunakan strategi-strategi yang berkesan. Kelemahan tersebut dapat dilihat apabila prinsip-prinsip berkaitan kepentingan terbaik kanak-kanak secara konsisten dan bersepadu

kurang ditekankan serta akses kanak-kanak yang ditahan di AA dan STB terhadap pendidikan adalah terhad, kurang berstruktur dan kurang berkualiti (CRCM 2012).

Berkait rapat dengan hujah di atas, artikel ini ditulis bertujuan untuk menarik perhatian pembaca serta pembuat dan pelaksana polisi tentang prospek-prospek penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan oleh sistem keadilan juvana di Malaysia supaya lebih selari dengan polisi-polisi antarabangsa seperti UNCRC dan The Beijing Rules. Prospek-prospek penambahbaikan ini diutarakan berdasarkan hujah McCold (2000) yang membahagikan pemegang taruh sistem keadilan kepada dua kategori utama; iaitu pemegang taruh primer dan pemegang taruh sekunder. Pemegang taruh primer ialah pemegang taruh yang telah terkesan daripada jenayah yang dilakukan oleh pesalah secara langsung (contoh: mangsa, pesalah dan keluarga). Manakala pemegang taruh sekunder ialah pemegang taruh yang terkesan daripada jenayah yang dilakukan secara tidak langsung (contoh: komuniti dan kerajaan).

Menurut McCold (2000), keberkesanan sistem keadilan juvana banyak bergantung kepada pertimbangan untuk melibatkan pemegang-pemegang taruh tersebut dalam proses keadilan. Hal ini kerana polisi pemulihan sering dilaporkan kurang berkesan jika tidak melibatkan pemegang taruh primer secara meluas yang sepatutnya memainkan peranan yang lebih penting berbanding pemegang taruh sekunder. Namun, praktis ini tidak diamalkan dalam sistem keadilan juvana sedia ada di Malaysia.

#### **EMPAT PROSPEK PENAMBAHBAIKAN**

Oleh itu, berdasarkan kepada hujah McCold (2000) serta dapatan kajian-kajian lepas yang akan dibincangkan dengan lanjut di bahagian ini, sistem keadilan juvana memerlukan reformasi dan penambahbaikan bagi meningkatkan lagi keberkesanannya. Artikel ini antaranya mencadangkan agar pelbagai pihak yang terlibat dalam sistem keadilan juvana di Malaysia iaitu KPWK, JKM, Jabatan Penjara Malaysia dan lain-lain membuat pertimbangan menyeluruh mengenai perkembangan kanak-kanak (National Research Council 2013), misalnya dengan melibatkan ahli keluarga pesalah kanak-kanak secara lebih aktif kerana keluarga merupakan sistem sosial yang amat berpengaruh dalam kehidupan kanak-kanak. Oleh kerana kajian-kajian lepas dalam konteks Malaysia adalah terhad, maka penulis perlu merujuk kepada kajian-kajian yang telah dijalankan di arena antarabangsa sebagai sumber rujukan sokongan kepada sumber rujukan dalam konteks tempatan. Secara amnya, prospek penambahbaikan yang telah dicadangkan oleh penulis adalah dibuat berdasarkan penerokaan artikel-artikel dan kajian-

kajian lepas mengenai aspek-aspek utama yang perlu diberikan perhatian dalam menjalankan reformasi dan penambahbaikan sistem keadilan juvana supaya lebih berkesan. Dapatan yang dikenal pasti ini menyumbang kepada amalan berasaskan bukti yang perlu dirujuk untuk menambah baik amalan semasa sistem keadilan juvana di Malaysia.

Justeru, artikel ini mencadangkan empat jenis prospek bagi penambahbaikan sistem keadilan juvana di Malaysia yang melibatkan beberapa pemegang taruh iaitu; (1) penglibatan mangsa jenayah dalam proses keadilan; (2) penglibatan ahli komuniti dalam proses keadilan; (3) penglibatan aktif dan menyeluruh oleh ahli keluarga; serta (4) memberi penekanan terhadap jagaan susul memandangkan terdapat keperluan untuk mengintegrasikan pesalah kanak-kanak yang ditempatkan di institusi untuk kembali dalam komuniti seperti yang ditekankan oleh UN Rules for the Treatment of Juveniles Deprived of their Liberty (JDLs) dan The Beijing Rules. Malah, prospek-prospek penambahbaikan ini juga telah dikenal pasti berdasarkan dapatan dan saranan yang dibuat oleh KPWK M dan UNICEF Malaysia (2013) melalui kajian berkaitan sistem keadilan juvana di Malaysia. Antaranya ialah saranan untuk membangunkan intervensi yang lebih holistik; termasuk peralihan daripada proses kehakiman kepada intervensi berasaskan komuniti, keadilan restoratif melalui penglibatan mangsa, ahli keluarga dan komuniti serta jagaan susul yang lebih efektif bagi menangani isu berkaitan kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang selain memenuhi komitmen Malaysia terhadap UNCRC dan The Beijing Rules.

### **Penglibatan Mangsa Jenayah dalam Proses Keadilan**

Sebelum perbincangan mengenai penglibatan mangsa dalam proses keadilan juvana dibuat, penulis terlebih dahulu akan mengupas mengenai peranan dan posisi mangsa jenayah dalam proses keadilan. Peranan dan posisi mangsa banyak berkait rapat dengan keperluan individu yang wujud selepas menjadi mangsa jenayah yang telah dikupas oleh pengkaji-pengkaji viktimologi seperti Bolitho (2015) dan Wemmers (2002; 2013). Wemmers (2002; 2013) mendapati bahawa mangsa jenayah mempunyai enam keperluan iaitu keperluan terhadap maklumat, keperluan untuk mendapatkan pampasan, keperluan emosi, keperluan penyertaan untuk terlibat dalam proses keadilan, keperluan terhadap perlindungan, dan keperluan praktikal. Zehr dan Gohar (2002) pula menghujahkan bahawa keperluan untuk mendapatkan maklumat sering kali diabaikan oleh sistem keadilan jenayah.

Bolitho (2015) mendapati bahawa keperluan terhadap maklumat wujud kerana mangsa jenayah sering tertanya-tanya mengenai perkara-perkara yang tidak dapat dijawab di mahkamah antaranya mengenai sebab mereka “dipilih” oleh pesalah



(digambarkan dengan soalan “mengapa aku?”) untuk dijadikan mangsa jenayah. Selain itu, mangsa juga ingin memahami proses keadilan yang berlaku seterusnya, misalnya apa yang akan berlaku kepada pesalah selepas mangsa membuat laporan. Hal ini juga disokong oleh kajian di Malaysia yang dijalankan oleh Taufik dan Azlinda (2014) yang mendapati bahawa maklumat susulan oleh pihak polis mengenai laporan yang telah dibuat merupakan salah satu perkhidmatan dalam sistem keadilan jenayah yang paling diharapkan oleh responden-responden mereka yang merupakan pembuat laporan atau mangsa jenayah.

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa kualiti kehidupan individu akan terjejas apabila menjadi mangsa jenayah (Hanson et al., 2010; Villotti, Corbiere dan Guay 2020) kerana kehilangan rasa kawalan dalam kehidupannya. Bagi menangani isu tersebut, Beven et al. (2005) mendapati bahawa mangsa jenayah perlu dibantu untuk mendapatkan jawapan bagi soalan “mengapa aku?” untuk memulihkan perasaan kawalan mereka yang terjejas. Perasaan kawalan seperti keupayaan untuk menyuarakan pendapat dan bertanya perkara yang diinginkan kepada pihak-pihak tertentu merupakan salah satu aspek penting yang perlu dipertimbangkan dalam proses keadilan kerana ia merupakan faktor yang memberi kepuasan kepada mangsa dalam proses pengadilan jenayah (Beven et al. 2005; Hotaling dan Buzawa 2003).

Sebaliknya, persoalan “mengapa aku?” yang tidak terjawab boleh mengakibatkan strategi daya tindak yang tidak berkesan yang boleh menyebabkan mangsa menyalahkan diri sendiri kerana menjadi mangsa jenayah. Salah satu cara untuk membantu mangsa berdaya tindak dengan lebih baik dalam mencapai kesejahteraan adalah dengan melaksanakan bentuk keadilan alternatif seperti keadilan restoratif yang mempunyai faedah yang tidak dapat dicapai oleh proses keadilan jenayah tradisional. Kesimpulannya, kajian-kajian yang dijalankan oleh Bolitho (2015), Taufik dan Azlinda (2014) serta Wemmers (2002) menunjukkan bahawa keperluan maklumat yang pelbagai adalah salah satu perkara utama yang dapat membantu mangsa mencapai kesejahteraan selepas menjadi mangsa jenayah. Selain keperluan bagi mengetahui perkara yang terjadi setelah membuat laporan mengenai jenayah, mangsa jenayah juga lebih berpuas hati apabila sistem keadilan jenayah lebih telus tentang proses yang berlaku.

Walau bagaimanapun, artikel ini tidak akan mengupas secara mendalam mengenai kepentingan mengambil kira posisi dan peranan mangsa dalam proses keadilan, namun ingin menghujahkan bahawa keperluan penyertaan iaitu penglibatan mangsa secara proaktif dalam proses keadilan adalah antara perkara penting yang harus dipertimbangkan bagi tujuan pemulihan pesalah yang boleh dicapai melalui pelaksanaan keadilan restoratif. Berbeza dari sistem keadilan jenayah

konvensional, kajian-kajian seperti Bouffard, Cooper dan Bergseth (2017) dan Latimer, Dowden dan Muise (2005) mendapati bahawa secara umumnya, keadilan restoratif memberi kesan positif kepada mangsa dan pesalah dalam empat cara iaitu kepuasan mangsa, kepuasan pesalah, peningkatan kepatuhan pesalah terhadap perintah mahkamah, dan pengurangan residivisme.

Bagaimanakah keadilan restoratif boleh memberi kesan yang positif kepada pesalah kanak-kanak? Salah satu elemen utama bagi program yang bersifat restoratif ialah pesalah kanak-kanak mesti bertanggungjawab secara langsung kepada mangsa jenayah (Fritz 2005) misalnya melalui pelaksanaan proses pertemuan dan dialog antara pesalah dan mangsa. Bradshaw dan Roseborough (2005) telah menilai kajian-kajian yang mengkaji keberkesanan program keadilan restoratif dalam kalangan 11,950 remaja yang menyertai program ini dan mendapati bahawa program keadilan restoratif mampu mengurangkan kadar residivisme sebanyak 26% lebih tinggi berbanding program lain. Tambahan lagi, Bradshaw, Roseborough dan Umbreit (2006) yang telah menjalankan analisis meta bagi program keadilan restoratif khusus iaitu Mediasi Pesalah dan Mangsa yang merupakan satu proses terapeutik melibatkan dialog serta proses kemaafan dan perjanjian, telah mendapati bahawa kadar residivisme telah berkurangan sebanyak 34%. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun program keadilan restoratif memfokus kepada mangsa jenayah, namun ia juga mempunyai kesan yang positif terhadap pesalah kanak-kanak dalam mengurangkan residivisme. Malah, program yang dijalankan menggunakan falsafah keadilan restoratif lebih menjimatkan masa dan tidak memerlukan kos yang tinggi berbanding penahanan dan penginstitusian.

Walau bagaimanapun, terdapat cabaran besar yang perlu ditangani bagi memastikan bahawa mangsa jenayah melibatkan diri secara proaktif dalam proses keadilan. Secara umumnya, Taufik (2015) mendapati bahawa penglibatan dalam proses keadilan boleh menimbulkan kerisauan dan perasaan tergugat dalam diri mangsa. Implikasinya, tidak semua mangsa jenayah bersetuju untuk menyertai proses keadilan yang memerlukan mereka menjadi proaktif seperti keadilan restoratif seterusnya memberi impak kepada pemulihan pesalah. Hal ini membawa kepada persoalan yang masih hangat diperdebatkan dalam arena akademik, lebih-lebih lagi dalam bidang viktimologi dan kerja sosial (Taufik, Azlinda and Anderstone 2019) memandangkan penglibatan mangsa bukan sahaja memberikan manfaat kepada diri mereka sendiri, tetapi juga pesalah. Justeru, penyertaan aktif mangsa amat diperlukan bagi pemulihan pesalah yang berkesan. Bolívar (2013) menekankan mengenai keperluan dan kepentingan kajian berkaitan penyertaan mangsa dalam proses keadilan bagi memahami faktor-faktor yang menyebabkan keengganan mangsa jenayah untuk melibatkan diri dalam proses keadilan. Perkara ini amat penting dalam konteks Malaysia memandangkan banyak penambahbaikan perlu

dilakukan bagi menjadikan mangsa jenayah sebagai pemegang taruh yang penting dalam sistem keadilan jenayah di negara ini.

Di Malaysia, Akta Kanak-Kanak 2001 telah ditambah baik melalui pindaan pada tahun 2016 dengan memperkenalkan perintah khidmat masyarakat bagi pesalah kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun yang menunjukkan pengiktirafan terhadap pemegang taruh (seperti yang telah diusulkan oleh McCold, 2000) yang penting selain daripada pihak kerajaan dan pesalah itu sendiri dalam proses keadilan. Selain itu, perbincangan mengenai posisi mangsa jenayah sebagai pemegang taruh proses keadilan juga dilihat mempunyai perkaitan dengan Perkara 8(1), Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa setiap rakyat Malaysia mempunyai hak kesamarataan (Nasimah 2011). Menurut Nasimah (2011), walaupun perkataan “mangsa” tidak disebut, namun perkataan “orang” boleh merujuk kepada sesiapa sahaja, termasuk mangsa itu sendiri. Berdasarkan peruntukan ini, kita boleh menginterpretasikan bahawa mangsa jenayah patut diberikan hak tertentu untuk membantu mereka selepas menjadi mangsa jenayah.

Namun, peruntukan sedia ada mempunyai kelemahan yang tertentu khususnya pelaksanaan perintah khidmat masyarakat yang melibatkan komuniti secara umum, bukan mangsa jenayah secara khususnya. Menurut McCold (2000), walaupun komuniti merupakan pemegang taruh sekunder dalam sesuatu proses keadilan yang mempunyai keperluan mereka sendiri, namun, mangsa jenayah merupakan pemegang taruh primer yang mempunyai keperluan yang pelbagai. Tambahan lagi, walaupun terdapat peruntukan bagi hak kesamarataan di dalam Perlembagaan Persekutuan, namun, peruntukan tersebut masih tidak mengambil kira keperluan mangsa jenayah yang kompleks dan pelbagai. Contohnya, keperluan penyertaan mangsa masih tidak dipraktikkan di Malaysia memandangkan pendakwa raya mempunyai kuasa yang lebih dominan dalam aspek pembuatan keputusan sesuatu proses keadilan. Oleh itu, pihak kerajaan antaranya melalui KPWK dan JKM serta PDRM harus mempertimbangkan penglibatan mangsa jenayah sebagai pemegang taruh primer bagi menambah baik proses sistem keadilan juvana di Malaysia.

### **Penglibatan Ahli Komuniti dalam Proses Keadilan**

Penglibatan komuniti dalam proses keadilan tidak boleh dinafikan (Clear dan Karp 2000; Jacobson 2015; Karp dan Clear 2000) dari segi kepentingan dan kaitan komuniti dengan keberkesanan pelbagai intervensi dalam proses keadilan. Salah satu contoh yang boleh dilihat ialah pelaksanaan perintah khidmat masyarakat yang memerlukan penglibatan aktif oleh ahli komuniti sendiri dalam pembuatan keputusan seperti penglibatan mangsa yang telah diuraikan di atas. Namun

begitu, pihak berkuasa seperti polis jarang melibatkan ahli-ahli komuniti dalam prosedur sama ada secara langsung atau tidak langsung. Penglibatan ini boleh dilihat antaranya melalui hubungan antara sistem keadilan dan komuniti yang boleh berlaku sama ada dalam bentuk yang harmoni atau berkonflik, bergantung kepada cara sesebuah sistem keadilan berinteraksi dengan ahli komuniti (Ross 2011).

Walau bagaimanapun, penglibatan komuniti dalam sistem keadilan perlu dimulai dengan kepercayaan yang hanya boleh dibina melalui proses pengoperasian sistem keadilan yang memuaskan hati ahli komuniti (Tyler dan Fagan 2008; Tyler, Goff dan MacCoun 2015). Terdapat pelbagai cadangan yang telah dibuat oleh para penyelidik lepas untuk meningkatkan kepercayaan dan perasaan puas hati komuniti. Salah satunya adalah dengan melaksanakan kepolisan berasaskan komuniti bagi membina kepercayaan dan merapatkan jurang antara pihak polis dengan komuniti iaitu mengenal pasti keperluan komuniti sendiri (Miller, Hess dan Orthmann 2013). Keadaan ini memberi persepsi bahawa suara ahli komuniti juga penting dalam proses keadilan tersebut.

Berbeza daripada sistem kepolisan konvensional, kepolisan berasaskan komuniti memerlukan persetujuan ahli-ahli komuniti mengenai strategi-strategi yang akan diambil bagi meningkatkan keselamatan dalam komuniti itu sendiri (Brogden dan Nijhar 2013). Hal ini memerlukan kaedah dan sistem demokrasi yang memerlukan perundingan antara sistem keadilan dan komuniti. Antara impak positif yang terhasil ialah ahli-ahli komuniti akan lebih bekerjasama dengan sistem keadilan yang kemudiannya akan menghasilkan proses keadilan yang lebih berkesan dan memberi manfaat kepada pesalah secara langsung.

Di Malaysia, komuniti tidak terlibat secara aktif dalam sistem keadilan juvena yang kurang bersifat restoratif. Sebaliknya, sistem keadilan juvena di Malaysia adalah berasaskan pada intervensi kepolisan, pengadilan mahkamah secara formal dan pemulihan berasaskan institusi yang kurang berkesan kerana hanya menasarkankan kepada pemulihan pesalah kanak-kanak sahaja dan tidak melibatkan komuniti yang merupakan salah satu faktor penyebab bagi tingkah laku kesalahan yang dilakukan oleh pesalah kanak-kanak. Menurut Azizi, Hashim dan Boon (2007), pemulihan yang merangkumi pengubahsuaian tingkah laku dalam persekitaran sebenar iaitu di dalam komuniti adalah antara yang berkesan dan merupakan alternatif terbaik selain daripada penempatan di institusi pemulihan.

Walaupun sistem keadilan juvena Malaysia turut melaksanakan program pemulihan berasaskan komuniti untuk pesalah kanak-kanak khususnya melalui bengkel interaktif yang dikendalikan oleh KPWK dan JKM, namun, kajian

yang dijalankan oleh KPWK dan UNICEF Malaysia (2013) mendapati bahawa bengkel tersebut kurang berkesan kerana lebih memfokuskan kepada hubungan ibu bapa dengan anak sedangkan ahli keluarga yang lain dan komuniti juga merupakan faktor penyumbang yang penting dalam menangani tingkah laku kesalahan kanak-kanak. Manakala pelaksanaan perintah khidmat masyarakat ke atas pesalah kanak-kanak berdasarkan Seksyen 97A Akta Kanak-Kanak 2001 berdasarkan pindaan yang dibuat pada tahun 2016 sebagai alternatif kepada pemulihan di institusi pula hanya dilaksanakan kepada pesalah kanak-kanak yang menjalani pemulihan dalam komuniti dan menyumbang khidmat kepada komuniti.

Malah, KPWK dan UNICEF Malaysia (2013) melaporkan bahawa Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak yang ditubuhkan di bawah JKM tidak berfungsi secara berkesan dalam melibatkan komuniti misalnya melalui mekanisme sukarelawan dalam memberikan sokongan yang efektif kepada kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang. Oleh itu, KPWK dan UNICEF Malaysia (2013) telah mencadangkan agar Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak di bawah JKM, badan bukan kerajaan, komuniti dan sukarelawan lain dimobilisasikan dalam memberikan pengawasan, peluang kerja, khidmat masyarakat dan program interaktif yang berpotensi dan lebih tersusun untuk pesalah kanak-kanak. Malah, terdapat cadangan agar sukarelawan komuniti dari kawasan tempat tinggal pesalah kanak-kanak diberikan peranan sebagai penyelia tambahan, meluangkan masa dengan pesalah kanak-kanak serta membuat lawatan ke rumah dan membuat panggilan telefon secara berkala untuk membantu dari segi pemantauan. Cadangan ini adalah selari dengan UNCRC yang menekankan kepentingan intervensi berasaskan komuniti untuk memberikan jagaan, bimbingan dan pengawasan kepada kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang. The Beijing Rules turut menekankan peranan penting yang dapat dimainkan oleh komuniti dan sukarelawan dalam menyokong inisiatif ini.

Namun begitu, kesedaran komuniti terhadap kepentingan mereka dalam proses keadilan adalah penting kerana ia dapat memupuk sifat tanggungjawab ahli-ahli komuniti (Tyler 2006) ke atas bekas pesalah yang kembali ke komuniti. Hal ini adalah kerana sikap ahli komuniti yang kurang bertanggungjawab, sebaliknya mempunyai perasaan stigma dan prejudis yang tinggi ke atas bekas pesalah yang kembali ke dalam komuniti akan meningkatkan kebarangkalian residivisme dalam kalangan kanak-kanak yang terlibat dalam jenayah. Oleh itu, selain terdapat keperluan untuk mengurangkan stigma dan diskriminasi terhadap pesalah kanak-kanak dalam kalangan ahli komuniti (KPWK dan UNICEF Malaysia 2013), KPWK dan JKM serta Jabatan Penjara Malaysia juga disarankan untuk melibatkan komuniti secara aktif dalam program jagaan susul untuk

mengintegrasikan pesalah kanak-kanak yang dibebaskan dari institusi ke dalam komuniti yang akan dibincangkan seterusnya.

### **Penglibatan yang Aktif dan Menyeluruh oleh Ahli Keluarga**

Mangsa jenayah yang merangkumi mangsa secara langsung (contoh: individu yang mengalami kecurian harta benda atau mangsa rogol), keluarga mangsa jenayah tersebut, dan juga keluarga pesalah terbabit merupakan salah satu daripada pemegang taruh primer bagi proses keadilan jenayah. Hal ini adalah kerana keluarga pesalah seringkali mengalami impak-impak tertentu dalam kehidupan mereka disebabkan jenayah yang dilakukan oleh salah seorang ahli keluarga mereka. Kajian lepas menunjukkan bahawa kualiti kehidupan dan hubungan kekeluargaan antara pesalah dan ahli keluarga mereka sendiri akan terjejas akibat dari perlakuan jenayah (De Neuilly 2008; Song et al. 2018; Stewart et al. 2002). Impak negatif ini bukan sahaja disebabkan oleh pelakuan jenayah pesalah tersebut, tetapi juga oleh proses keadilan seperti pemenjaraan.

Selain itu, keluarga pesalah juga perlu berhadapan dengan reaksi umum kesan dari jenayah yang dilakukan oleh ahli keluarga mereka. Sharp (2005) menyatakan bahawa masyarakat sering menyalahkan ahli keluarga yang mempunyai kaitan dengan pesalah sehingga menyebabkan ahli keluarga pesalah mengalami pengasingan sosial yang boleh mengganggu kesejahteraan keluarga. Sesetengah keluarga masih berhubung dengan ahli keluarga mereka yang dipenjarakan. Namun begitu, terdapat juga keluarga yang memutuskan hubungan dengan pesalah kerana berasa malu dengan jenayah yang telah dilakukannya.

Sehubungan itu, De Neuilly (2008) berpendapat bahawa keluarga pesalah juga boleh dianggap sebagai mangsa keadaan. Sharp (2005) menekankan bahawa keluarga pesalah menjadi mangsa dan berhadapan dengan stigma oleh masyarakat kerana mereka mempunyai hubungan pertalian dengan pesalah (Breen 2008; Ofori-Dua, Akuoko dan Paul Kanwetuu 2015). Menurut beberapa pihak, keluarga pesalah boleh dianggap sebagai mangsa tertuari (Standing Committee on Community Services and Social Equity 2004) yang menghadapi pelbagai masalah seperti kekangan kewangan, gangguan tanggungjawab dan pengasingan sosial yang boleh menjejaskan kesejahteraan dan kualiti hidup.

Kajian lepas (Mills dan Codd 2008; Mowen, Stansfield dan Boman 2019) mendapati bahawa hubungan yang semakin baik antara pesalah dengan keluarga akan mengurangkan kemungkinan residivisme dan juga memberi impak positif dalam pemulihan pesalah kanak-kanak kerana hubungan kekeluargaan amat penting dalam perkembangan kanak-kanak. Malah, kualiti hubungan antara pesalah

dengan keluarga mempunyai perkaitan dengan residivisme (Austin dan Hardyman 2004; Rosansky 2010). Oleh itu, keluarga pesalah sepatutnya menjadi sebahagian penting dalam pemulihan yang berkesan kepada pesalah. Justeru, polisi, intervensi dan program yang mensasarkan untuk memperbaiki hubungan kekeluargaan yang terjejas harus menjadi sebahagian dari inisiatif bagi penambahbaikan sistem keadilan juvana di Malaysia. Ahli keluarga pesalah perlulah dilibatkan dalam proses keadilan dan strategi pemulihan pesalah kanak-kanak bagi membantu memperbaiki hubungan kekeluargaan yang mungkin terjejas kesan daripada kesalahan pesalah. Perkara ini sangat penting dalam konteks pemulihan pesalah kanak-kanak memandangkan hubungan kekeluargaan yang dipulihkan boleh memberikan modal sosial bagi kanak-kanak untuk menghindari residivisme.

Di Malaysia, bengkel interaktif yang merangkumi kaunseling keluarga dan bengkel keibubapaan merupakan antara intervensi kekeluargaan yang dianjurkan oleh JKM bermatlamat untuk memperkukuhkan kemahiran keibubapaan dan memperbaiki hubungan antara ibu bapa dengan pesalah kanak-kanak. Namun begitu, KPWK dan UNICEF Malaysia (2013) melaporkan bahawa intervensi tersebut bersifat *ad hoc* dan hanya memfokus pada hubungan antara pesalah dengan ibu bapa sahaja, bukannya ahli keluarga secara keseluruhan. Selain itu, KPWK dan UNICEF Malaysia (2013) turut mendapati bahawa proses penilaian dan penyediaan laporan yang dibuat sebelum kanak-kanak dan ibu bapa diperintahkan oleh mahkamah untuk menyertai program tersebut cenderung memfokus pada maklumat biografi asas mengenai keluarga dan perihal persekitaran fizikal rumah, bukannya penilaian mendalam mengenai faktor risiko dan resiliensi yang berpotensi, keupayaan ibu bapa, dan hubungan ibu bapa-anak. Penilaian yang lebih terperinci hanya dibuat setelah kanak-kanak diperintahkan oleh mahkamah untuk diletakkan di bawah pengawasan pegawai percubaan JKM.

Walau bagaimanapun, sejumlah ibu bapa melaporkan bahawa pegawai percubaan menasihati ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke institusi dengan alasan bahawa ia akan memberi manfaat kepada anak mereka (KPWK dan UNICEF Malaysia 2013). Menurut kajian lepas, intervensi yang mensasarkan pemulihan kanak-kanak yang diasingkan daripada keluarga kurang berkesan kerana tidak menangani faktor-faktor risiko dalam keluarga yang mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak. Manakala program pemulihan yang memberi tumpuan untuk meningkatkan komunikasi, mengukuhkan hubungan dan sosialisasi yang positif antara pesalah dan ibu bapa serta mengukuhkan kefungsi keluarga telah menghasilkan kesan yang positif (Anderson dan Bogenschneider 2007; Aos et al. 2001; Cavanagh dan Cauffman 2017). Oleh itu, KPWK dan UNICEF Malaysia (2013) menyarankan agar mahkamah berusaha untuk menyatukan pesalah kanak-kanak dengan ibu bapa yang berpisah atau dengan keluarga yang bermasalah. Hal

ini adalah kerana selain berisiko untuk merenggangkan hubungan kekeluargaan, penempatan pesalah kanak-kanak di institusi pemulihan juga mempunyai kesan kolateral yang lain misalnya menghalang ibu bapa atau keluarga yang miskin melawat anak mereka di institusi yang terletak agak jauh dari tempat tinggal mereka (KPWKM dan UNICEF Malaysia 2013).

### **Penekanan Terhadap Jagaan Susul**

Selain melaksanakan program pemulihan yang memberi penekanan terhadap penjagaan berasaskan keluarga dan juga perintah khidmat masyarakat di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 yang telah dipinda pada tahun 2016, sistem keadilan juvena Malaysia khususnya melalui KPWKM dan JKM disarankan untuk memberi perhatian yang serius dan mengambil langkah yang proaktif dengan melaksanakan program jagaan susul yang lebih komprehensif. Program jagaan susul diperlukan untuk membantu mengintegrasikan bekas pesalah kanak-kanak yang dibebaskan dari institusi misalnya AA dan STB dengan jayanya ke dalam komuniti supaya mereka dapat menghindari residivisme. Hal ini kerana pemulihan di institusi adalah tidak mencukupi untuk menyediakan pesalah juvena untuk kembali berfungsi dalam masyarakat (Altschuler dan Armstrong 2002).

Statistik telah menunjukkan kecenderungan proses keadilan Malaysia khususnya melalui perintah mahkamah berdasarkan Seksyen 91 AKK 2001 untuk menempatkan pesalah kanak-kanak di dalam institusi seperti AA dan STB yang berada di bawah kelolaan KPWKM dan JKM atau SHG yang berada di bawah kendalian Jabatan Penjara Malaysia. Pesalah kanak-kanak yang diperintahkan untuk mengikuti pemulihan di institusi pastinya akan kembali semula ke dalam komuniti. Oleh itu, pihak kerajaan khususnya melalui KPWKM dan JKM serta Jabatan Penjara Malaysia perlu memainkan peranan penting bagi mengintegrasikan semula bekas pesalah kanak-kanak yang dibebaskan dari institusi pemulihan ke dalam komuniti. Hal ini adalah kerana penyelidik-penyelidik lepas (Aaron dan Dallaire 2010; Abrams 2007; Altschuler dan Brash 2004; Antonescu dan Damboeanu 2012; Bilchik 2010; Cumming 2018; Gottschall dan Armour 2011; Shivy et al. 2007; Steinberg, Chung dan Little 2004; Visher dan Farrell 2005) melaporkan bahawa selepas melalui tempoh percubaan dan pemulihan, bekas pesalah kanak-kanak yang dibebaskan dari institusi sering menghadapi pelbagai halangan dan cabaran untuk berjaya dalam pengintegrasian semula, misalnya kesukaran untuk mencari tempat tinggal yang selamat dan stabil kerana kembali kepada keluarga yang bermasalah, tinggal di dalam kawasan kejiranan yang mempunyai masalah sosial, berhadapan dengan stigma sosial dan kekurangan sokongan sosial yang prososial.



Manakala di Malaysia, CRCM (2012) melaporkan bahawa kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang menghadapi cabaran seperti sekatan untuk mengakses perkhidmatan pendidikan, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan lain kerana berhadapan dengan diskriminasi. KPWK dan UNICEF Malaysia (2013) pula melaporkan bahawa kebanyakan pesalah kanak-kanak yang dibebaskan dari institusi disekat dalam percubaan mereka untuk memulakan kehidupan baru disebabkan oleh penolakan keluarga atau stigma dan diskriminasi dari komuniti setempat. Justeru, The Beijing Rules dan UNCRC turut menekankan keperluan untuk menyediakan pesalah kanak-kanak yang kembali ke dalam komuniti dengan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang dirancang serta memberikan bimbingan dan sokongan struktur sebagai langkah penting ke arah kejayaan integrasi semula ke dalam komuniti.

Para sarjana menekankan mengenai kepentingan memenuhi keperluan pesalah kanak-kanak melalui sumber tambahan dan perkhidmatan yang berkesinambungan bagi membolehkan mereka membuat peralihan secara beransur-ansur dan berstruktur dari institusi ke dalam komuniti yang seterusnya dapat mengurangkan residivisme (Byrnes, Macallair dan Shorter 2002; Jain et al. 2018; Travis, Solomon dan Waul 2001). Malah, peralihan yang lancar ke dalam komuniti melalui kesinambungan penjagaan boleh mengurangkan kemungkinan remaja terlibat dalam kesalahan berulang setelah dewasa (Howell et al. 2004; Ryan, Davis dan Yang 2001). Oleh itu, pelaksanaan strategi jagaan susul yang berkesan boleh mengurangkan risiko mereka sebagai bekas pesalah dan meningkatkan adaptasi mereka secara optimum untuk berintegrasi semula dalam komuniti (Calleja 2019; Wiebush, McNulty dan Le 2000).

Namun begitu, sistem keadilan juvana di Malaysia masih belum menyediakan program atau intervensi jagaan susul yang sistematik, khususnya kepada kanak-kanak yang dibebaskan dari institusi ke dalam komuniti. Walaupun Seksyen 70 Akta Kanak-Kanak 2001 telah memperuntukkan bahawa kanak-kanak yang dibebaskan perlu diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai akhlak atau orang lain yang dilantik oleh Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak di JKM selama tempoh satu tahun selepas dibebaskan, namun, mereka hanya diminta untuk melapor diri secara bulanan dalam perjumpaan yang amat singkat. KPWK dan UNICEF Malaysia (2013) turut melaporkan bahawa tiada perancangan pra-pembebasan dan perancangan integrasi semula secara formal dan bertulis yang komprehensif dan sistematik dibuat sebelum kanak-kanak dibebaskan ke dalam komuniti. Walaupun kadang kala terdapat sejumlah kakitangan JKM yang berusaha membantu pesalah kanak-kanak mengisi borang kemasukan ke sekolah atau program latihan vokasional, namun ia bergantung kepada inisiatif dan budi bicara mereka sendiri. Manakala Pasukan Kebajikan Kanak-kanak di JKM pula bukan sahaja tidak

memainkan peranan yang sepatutnya dalam membantu dan membimbing bekas pesalah kanak-kanak yang dibebaskan dari institusi, malah mempunyai hubungan yang terhad dengan bekas pesalah kanak-kanak di dalam komuniti (KPWKM dan UNICEF Malaysia 2013). CRCM (2012) telah menekankan agar sokongan integrasi semula untuk kanak-kanak selepas dibebaskan diperkukuhkan di Malaysia memandangkan sistem sedia ada hanya menumpukan kepada pemantauan dan pengawasan serta tidak memperuntukkan sokongan integrasi semula yang menyeluruh kepada kanak-kanak yang pernah ditahan. Antara bentuk sokongan yang perlu dilaksanakan adalah dari segi perlindungan, perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan sosial lain kerana sebahagian besar daripada mereka berhadapan dengan stigma daripada orang awam (CRCM 2012).

Walaupun kerajaan Malaysia khususnya melalui KPWKM dan JKM telah mengambil inisiatif untuk menyediakan pesalah kanak-kanak untuk mengintegrasikan semula ke dalam komuniti melalui pelaksanaan program pendidikan dan latihan vokasional semasa penempatan di institusi, namun latihan vokasional yang dilaksanakan di AA dan STB adalah tidak berasaskan pensijilan secara formal yang menyebabkan kanak-kanak tidak mempunyai kelayakan yang diiktiraf (KPWKM dan UNICEF Malaysia 2013). Azizi et al. (2004) pula meragui keberkesanan sijil pengiktirafan kemahiran vokasional yang dikeluarkan oleh institusi pemulihan kerana tidak dapat mengesahkan tahap kemahiran dan tidak dapat menjamin peluang pekerjaan bagi pelatih dalam sesuatu bidang. Malah, CRCM (2012) juga melaporkan bahawa akses pendidikan di institusi pemulihan di bawah kelolaan JKM adalah kurang berstruktur dan terhad dari segi ketersediaan dan kualiti, seterusnya tidak menyediakan kanak-kanak yang mencapai umur 18 tahun dan yang akan beralih dari penjagaan institusi dengan keperluan pekerjaan.

Menurut para sarjana, proses integrasi semula yang berkesan harus menumpukan kepada peralihan yang bermula sebaik sahaja pesalah kanak-kanak diperintahkan untuk menjalani tempoh percubaan di institusi (Cullen dan Gendreau 2000; Gies 2003; Visser et al. 2017). Oleh itu, pihak berkaitan perlulah mensasarkan untuk mempersiapkan pesalah kanak-kanak untuk dibebaskan dari institusi ke dalam komuniti. Perancangan dan perkhidmatan pra-pembebasan dan pasca pembebasan harus disediakan untuk memastikan peralihan yang lancar dari institusi ke dalam komuniti melalui penyediaan sokongan semasa proses peralihan dan jagaan susul yang menekankan elemen pemantauan dan pemulihan setelah bekas pesalah kanak-kanak kembali ke dalam komuniti (Bouffard Bergseth 2008; KPWKM dan UNICEF Malaysia 2013; Mears dan Travis 2004; Wiebush, McNulty dan Le 2000).

Kesinambungan sokongan memerlukan kerjasama yang erat dan perkongsian maklumat secara sistematik antara kakitangan JKM di peringkat institusi dengan komuniti. Oleh itu, KPWKM dalam kajian mengenai sistem keadilan juvana Malaysia yang dijalankan dengan kerjasama UNICEF Malaysia menyarankan agar perancangan yang bersepadu antara kakitangan institusi misalnya AA dan STB dengan pegawai akhlak JKM di peringkat daerah dapat diperkukuhkan supaya dapat membuat persediaan misalnya dari segi pendaftaran ke sekolah atau program latihan vokasional dan penempatan pekerjaan sebelum kanak-kanak dibebaskan dari institusi. Menurut Bilchik (2010), bekas pesalah juvana lebih cenderung untuk berjaya jika mereka mempunyai akses kepada program pendidikan dan vokasional. Manakala Altschuler dan Brash (2004); Bullis dan Yovanoff (2002) serta Bullis et al. (2004) melaporkan bahawa pesalah juvana yang dibebaskan dari institusi ke dalam komuniti perlu dilibatkan dengan segera ke dalam program akademik dan/ atau vokasional untuk mengurangkan residivisme.

JDLs menekankan peranan wakil-wakil agensi yang menyediakan perkhidmatan pendidikan, pekerjaan dan perkhidmatan lain untuk memastikan ketersediaan dan kesinambungan akses pesalah kanak-kanak untuk membantu mereka selepas kembali ke dalam komuniti. KPWKM melalui JKM ditugaskan untuk menyelaras agensi-agensi kerajaan yang terlibat untuk pembangunan, perlindungan dan kebajikan kanak-kanak seperti yang diperuntukkan oleh Seksyen 3 dan Seksyen 7 Akta Kanak-Kanak 2001 (CRCM 2012). Hal ini kerana penyelarasan antara badan dan institusi masih kurang memuaskan kerana kekurangan proses penyelarasan yang rasmi, peranan dan tanggungjawab yang ditakrifkan secara jelas dalam kalangan agensi.

Kubek et al. (2020) serta Azizi dan Jesmin (2008) menyarankan strategi berbentuk kolaborasi antara agensi misalnya pihak institusi contohnya AA dan STB bekerjasama dengan kolej-kolej kemahiran misalnya Giat MARA, Institut Kemahiran Belia Negara dan lain-lain institut latihan kemahiran yang terdapat dalam komuniti bagi menjana peluang untuk pelatih melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran. Selain itu, pihak institusi juga disarankan untuk mengadakan usaha sama dengan sektor perindustrian dalam komuniti bagi mengatasi masalah penempatan pekerjaan memandangkan sampel kajian Azizi dan Jesmin (2008) yang terdiri daripada pesalah kanak-kanak masih ragu-ragu akan hala tuju selepas dibebaskan. Menurut Muhammad Rashid dan Dayana (2010), pemberian sijil kemahiran yang diiktiraf amat penting untuk membantu para pelatih mendapatkan peluang pekerjaan dan berdikari setelah dibebaskan dari institusi pemulihan.

## **CABARAN-CABARAN UTAMA SISTEM KEADILAN JUVANA MALAYSIA**

Pada bahagian ini, penulis-penulis membincangkan mengenai cabaran-cabaran yang mungkin menyukarkan sistem keadilan juvana di Malaysia untuk merealisasikan prospek-prospek penambahbaikan yang dicadangkan. Antara cabaran utama yang menyukarkan pelaksanaan keempat-empat prospek penambahbaikan yang dicadangkan di atas ialah kekangan dalam mekanisme sistem keadilan juvana itu sendiri khususnya dari segi peruntukan dan pelaksanaan Akta Kanak-Kanak 2001 yang diguna pakai untuk mengendalikan kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang.

Sebagai contoh, Akta Kanak-Kanak 2001 mengandungi peruntukan yang amat terhad mengenai jagaan susul pesalah kanak-kanak yang dibebaskan dari institusi ke dalam komuniti. Pesalah kanak-kanak yang dibebaskan dari institusi hanya diletakkan di bawah tempoh pengawasan pegawai akhlak di JKM serta perlu melapor diri secara bulanan dalam sesuatu tempoh masa. Ketiadaan peruntukan yang terperinci dari segi intervensi, perkhidmatan dan sokongan integrasi semula yang komprehensif dan berkesinambungan semasa tempoh pengawasan dilihat dapat menyukarkan pesalah kanak-kanak untuk mengintegrasikan dengan jayanya ke dalam komuniti serta menghindari residivisme memandangkan mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran semasa tempoh peralihan tersebut.

Selain itu, penulis-penulis juga menyeru agar sistem keadilan juvana Malaysia menambah baik pelaksanaan Akta Kanak-Kanak 2001 khususnya dari segi perintah yang dikenakan kepada pesalah kanak-kanak. Hal ini adalah kerana walaupun pindaan telah dibuat dalam Akta Kanak-Kanak 2001 pada tahun 2016 dengan memperuntukkan penjagaan berasaskan keluarga dan juga perintah khidmat masyarakat di dalam komuniti, namun, terdapat kecenderungan kakitangan sistem keadilan juvana untuk menempatkan pesalah kanak-kanak di dalam institusi berdasarkan statistik yang tinggi dalam penempatan pesalah kanak-kanak di institusi seperti AA dan STB. Malah, kajian mengenai sistem keadilan juvana di Malaysia yang dijalankan oleh KPWK dan UNICEF Malaysia (2013) melaporkan bahawa pegawai akhlak menasihati sejumlah ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke institusi dengan alasan bahawa ia akan membantu anak mereka dari segi pemulihan. Praktis tersebut adalah bertentangan dengan UNCRC yang menekankan kepentingan pemulihan alternatif berasaskan komuniti untuk memberi penjagaan, bimbingan dan pengawasan kepada kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang.

Selain itu, sikap yang ditunjukkan oleh pelbagai pihak yang bekerja dalam atau dengan sistem keadilan juvana juga dapat memberikan cabaran untuk membuat penambahbaikan melalui pelaksanaan inisiatif baharu (seperti melaksanakan keadilan restoratif, melibatkan pihak baharu seperti mangsa jenayah dan lain-lain) yang secara langsung akan memberikan peranan dan tugas baharu di luar skop kerja yang biasa dilakukan oleh kakitangan sistem keadilan juvana. Antara tindak balas yang sering diterima apabila keadaan ini berlaku ialah keraguan dan keupayaan mereka untuk berfikir “di luar kotak”. Kebanyakan kakitangan sistem keadilan juvana bergantung pada undang-undang sedia ada sebagai panduan dalam pembuatan keputusan bagi pelaksanaan perkhidmatan. Malah, kewujudan strategi-strategi alternatif seperti perintah khidmat masyarakat dan bon berkelakuan baik telah dihujah oleh pelbagai pihak bagi membantah inisiatif pembaharuan tersebut (KPWKM dan UNICEF Malaysia 2013) dengan mempersoalkan mengenai keperluan program tambahan kerana merasakan bahawa program sedia ada sudah mencukupi bagi menangani isu kanak-kanak yang terlibat dalam jenayah. Sifat kakitangan sistem keadilan juvana yang enggan menerima perubahan dan terlalu selesa dalam zon yang sama boleh menghalang penerimaan dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif baharu bagi polisi keadilan.

Selain cabaran utama dari segi mekanisme sistem keadilan juvana itu sendiri, terdapat kemungkinan wujud cabaran-cabaran unik lain daripada pelbagai pihak atau aspek lain yang harus difahami dengan teliti dan mendalam. Antaranya ialah gaya birokrasi sistem pentadbiran negara termasuklah sistem keadilan juvana (Fox 2015) yang dapat memberikan cabaran untuk merealisasikan prospek penambahbaikan yang dicadangkan. Selain bertindak dan membuat keputusan bagi pihak rakyat (termasuk mangsa dan komuniti), kerajaan juga sering membuat andaian tentang apa yang diharapkan oleh mangsa dan komuniti dari proses keadilan tersebut. Contohnya, kebanyakan sistem keadilan di pelbagai negara masih menganggap bahawa mangsa dan komuniti mempunyai keutamaan untuk membalas dendam—dan ini menyebabkan sistem keadilan jenayah sangat mementingkan aspek hukuman dan pengasingan sosial (Umbreit 1989). Namun begitu, anggapan ini tidak selari dengan kajian-kajian lepas termasuk dalam konteks Malaysia sendiri (Taufik 2015) yang mendapati bahawa mangsa jenayah memerlukan perkara lain seperti jawapan kepada beberapa persoalan kesan dari pemangsaan bagi tingkah laku jenayah.

Walau bagaimanapun, Taufik (2015) mendapati bahawa terdapat keengganan mangsa jenayah secara individu untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam proses keadilan jenayah yang dapat memberikan cabaran dan menyukarkan pelaksanaan penambahbaikan sistem keadilan juvana di Malaysia melalui penglibatan mangsa jenayah. Salah satu punca kepada keengganan mangsa ialah

kecenderungan mereka untuk merasa seperti dipinggirkan oleh sistem keadilan jenayah (Davies dan Bartels 2020; Mika et al. 2004). Mangsa jenayah merasakan bahawa mereka tidak mempunyai peranan penting dalam proses keadilan sehingga menyebabkan mereka meletakkan segala tanggungjawab kepada sistem keadilan jenayah. Perkara ini menyebabkan cabaran yang melibatkan norma undang-undang menjadi semakin sukar untuk diatasi kerana kuasa pembuatan keputusan hanya dimiliki oleh sistem itu sendiri. Selain itu, keengganan mangsa untuk melibatkan diri secara aktif juga berpunca dari kekurangan tahap kesedaran kakitangan di agensi awam tentang keperluan untuk mengendalikan kes-kes yang melibatkan mangsa jenayah secara sensitif. Contohnya, Farrar (2009) telah melaporkan tentang kes layanan kurang sensitif seorang pegawai di Malaysia yang memberitahu dengan nada yang kasar dan kuat bahawa terdapat satu kes rogol di salah sebuah hospital. Perkara ini meningkatkan trauma yang dialami oleh mangsa jenayah dan mengurangkan kepercayaan mangsa terhadap sistem keadilan jenayah sehingga menyebabkan mangsa jenayah enggan terlibat dalam proses keadilan tersebut.

Seterusnya, cara masyarakat berinteraksi dengan sistem keadilan jenayah juga boleh memberikan cabaran dan mempengaruhi inisiatif penambahbaikan. Daly (2000; 2013) telah berhujah bahawa inisiatif yang tidak menghukum seperti keadilan restoratif telah dilihat oleh masyarakat umum sebagai pendekatan keadilan yang bertentangan daripada prinsip keadilan retributif atau keadilan yang mengutamakan hukuman dan pengasingan sosial. Sikap masyarakat yang berkongsi falsafah retributif ini akan memberikan impak dalam pelaksanaan prospek penambahbaikan. Manakala sikap masyarakat yang tidak menghukum amat penting dalam menentukan kemungkinan dan kejayaan pelaksanaan penambahbaikan yang dicadangkan. Implikasi dari cabaran ini ialah inisiatif-inisiatif yang tidak selari dengan falsafah retributif akan dianggap sebagai terlalu lembut dan tidak berkesan dalam menangani jenayah. Sikap dan mentaliti retributif masyarakat akan mengurangkan kadar kerjasama daripada komuniti untuk memainkan peranan penting dalam jagaan susul bagi membantu pesalah kanak-kanak yang kembali ke dalam komuniti. Mungkin terdapat ahli-ahli komuniti yang enggan melibatkan diri secara aktif dalam program jagaan susul untuk bekas pesalah kanak-kanak kerana merasakan bahawa ia bukan tanggungjawab mereka, malah mereka telah menjadi mangsa oleh perbuatan jenayah bekas pesalah kanak-kanak tersebut. Malah, terdapat juga komuniti yang bersikap prejudis terhadap bekas pesalah kanak-kanak sehingga menyebabkan mereka enggan melibatkan diri secara aktif. Oleh itu, ahli-ahli komuniti perlu diperkasakan untuk terlibat secara aktif melalui peranan tertentu dalam proses pengintegrasian tersebut (Taufik 2020; Sawin dan Zehr 2006).

Selain ahli komuniti secara umum, pelaksanaan penambahbaikan bagi prospek yang dicadangkan khususnya dari segi jagaan susul yang berkesinambungan dari institusi ke dalam komuniti amat memerlukan perhatian, komitmen dan juga kerjasama pelbagai pihak berkepentingan yang lain. Selain KPWK dan JKM, kementerian dan jabatan kerajaan yang lain misalnya Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja, badan bukan kerajaan dan organisasi berasaskan komuniti yang lain perlu memainkan peranan dalam memastikan bahawa intervensi, perkhidmatan dan sokongan misalnya program akademik, latihan kemahiran/vokasional, penempatan pekerjaan dan sebagainya dapat disediakan kepada pesalah kanak-kanak dengan lebih komprehensif. Hal ini adalah kerana KPWK dan JKM mungkin berhadapan dengan kekangan sama ada dari segi dana kewangan, kepakaran/kapasiti, akses dan sebagainya untuk menyediakan kepelbagaian intervensi, perkhidmatan dan sokongan kepada pesalah kanak-kanak yang mempunyai keperluan yang kompleks. Saranan ini adalah selari dengan The Beijing Rules yang menekankan peranan penting yang dapat dimainkan oleh komuniti dalam menyokong inisiatif ini melalui sumbangan sukarelawan, organisasi sukarela, institusi tempatan, dan sumber-sumber komuniti lain terhadap pemulihan kanak-kanak. Menurut Wiebush, McNulty dan Le (2000), kekurangan perkhidmatan jagaan lanjutan yang sistematik antara pelbagai agensi dan institusi bagi mengurangkan kadar jenayah dan mempertingkatkan pencapaian bekas pesalah juvana merupakan cabaran yang paling kritikal bagi proses pengintegrasian semula yang berjaya.

## **KESIMPULAN**

Artikel ini membincangkan prospek-prospek penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan oleh sistem keadilan juvana di Malaysia dengan mengambil kira aspek-aspek kategori pemegang taruh yang dicadangkan oleh McCold (2000). Kesimpulannya, sistem keadilan juvana sedia ada di Malaysia boleh ditambah baik dengan mempertimbangkan dan mengutamakan peranan mangsa-mangsa jenayah, keluarga pesalah dan komuniti yang merupakan pemegang taruh primer sebagai pembuat keputusan.

Selain itu, pemegang-pemegang taruh tersebut juga perlu dilibatkan dalam jagaan susul yang harus diberi perhatian oleh sistem keadilan juvana di Malaysia memandangkan dapatan-dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa pemulihan bukanlah hanya tertumpu ketika pesalah kanak-kanak ditempatkan di dalam institusi sebaliknya berkesinambungan selepas mereka kembali ke dalam komuniti.

Penulis juga ingin mencadangkan agar kajian-kajian yang akan dijalankan pada masa hadapan menyokong inisiatif penambahbaikan ini antaranya dengan:

1. Mengkaji sikap dan kecenderungan pemegang-pemegang taruh primer untuk melibatkan diri dalam proses keadilan. Seperti yang telah dibincangkan, terdapat mangsa yang enggan melibatkan diri dalam proses keadilan atas faktor-faktor yang tertentu. Oleh itu, faktor-faktor tersebut perlu difahami dan ditangani supaya penglibatan mangsa boleh digalakkan dan dipertingkatkan.
2. Mengkaji langkah yang boleh diambil untuk menggalakkan keterbukaan dan penerimaan kakitangan dalam sistem keadilan juvana terhadap inisiatif keadilan berbentuk restoratif yang mungkin berada “di luar kotak”. Hal ini kerana cabaran juga dihadapi dalam kalangan kakitangan sistem keadilan yang boleh menjadi simptom kepada penekanan sistem birokrasi. Oleh itu, perkara ini perlu ditangani bagi menggalakkan pelaksanaan penambahbaikan yang lancar.

Namun begitu, ia juga harus diakui bahawa pelbagai pihak telah mengkaji cara-cara untuk menambah baik sistem keadilan juvana misalnya melalui kolaborasi yang telah dibuat oleh KPWKM bersama UNICEF Malaysia serta program-program yang dibuat oleh pelbagai badan bukan kerajaan dan pihak-pihak lain yang turut menyertai debat dan perbincangan berkaitan prospek-prospek penambahbaikan yang dicadangkan. Pelbagai usaha juga telah dibuat oleh ramai ahli akademik dalam kajian mereka dengan mengintegrasikan perspektif sains sosial bagi menyokong inisiatif ini yang menunjukkan potensi sistem keadilan juvana untuk berkembang secara positif pada masa hadapan.

## **PENGHARGAAN**

Artikel ini tidak terhasil daripada geran penyelidikan. Namun, para penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pelbagai pihak yang sudi berkongsi maklumat mengenai sistem keadilan juvana di negara ini.

## **RUJUKAN**

- Aaron, L. and D.H. Dallaire. 2010. Parental incarceration and multiple risk experiences: Effects on family dynamics and children’s delinquency. *Journal of Youth and Adolescence* 39(12): 1471–1484. <https://doi.org/10.1007/s10964-009-9458-0>



- Abrams, L. S. 2007. From corrections to community: Youth offenders' perceptions of the challenges of transition. *Journal of Offender Rehabilitation* 44(2-3): 31-53. [https://doi.org/10.1300/J076v44n02\\_02](https://doi.org/10.1300/J076v44n02_02)
- Akta Kanak-Kanak 2001. Akta 611. Undang-Undang Malaysia.
- Altschuler, D.M. and T.L. Armstrong. 2002. Juvenile corrections and continuity of care in a community context: The evidence and promising directions. *Federal Probation* 66(2): 72-77.
- Altschuler, D.M. and R. Brash. 2004. Adolescent and teenage offenders confronting the challenges and opportunities of reentry. *Youth Violence and Juvenile Justice* 2(1): 72-87. <https://doi.org/10.1177/1541204003260048>
- Anderson, C. and K. Bogenschneider. 2007. A policymaker's guide to effective juvenile justice programs: How important are family approaches? Cost-effective approaches in juvenile and adult corrections: What works? What doesn't? University of Wisconsin, Center for Excellence in Family Services Website. [http://www.familyimpactseminars.org/fia\\_brchapter\\_25c03.pdf](http://www.familyimpactseminars.org/fia_brchapter_25c03.pdf) (accessed 10 March 2020).
- Andrews, P. 2019. Children in conflict with the law: Is there a basis for a rights-based argument for diversion in Malaysia? PhD diss., Lancaster University.
- Antonescu, F., and C. Damboeanu. 2012. Community reintegration of Romanian offenders: Myth or reality. Proceedings of the Scientific Conference Afases. <https://www.afahc.ro/ro/afases/2012/socio/2.1/Antonescu.pdf> (accessed 12 May 2020).
- Aos, S., P. Phipps, R. Bamoski and R. Lieb. 2018. The comparative costs and benefits of programs to reduce crime: Version 4. Washington State Institute for Public Policy. <https://doi.org/10.4324/9780429501265-6>
- Austin, J. and P.L. Hardyman. 2004. The risks and needs of the returning prisoner population. *Review of Policy Research* 21(1): 13-29. <https://doi.org/10.1111/j.1541-1338.2004.00055.x>
- Azizi Yahaya and Jesmin Abd Wahab. 2008. *Keberkesanan program pemulihan tingkahlaku di Taman Seri Puteri, Batu Gajah dan Kompleks Dar-As-Saadah*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Mohd. Najib Ghafar, Jamaluddin Ramli and K.G. Yow. 2004. Keberkesanan program-program pemulihan tingkahlaku di sekolah henry gurney dan sekolah tunas bakti (laporan penyelidikan). Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim and Y. Boon. 2007. *Masalah sosial dalam kalangan remaja*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Babulal, V. and T.P. Ying. 2018. Call to review of juvenile laws timely, say experts. *New Straits Times*. 10 January. <https://www.nst.com.my/news/nation/2018/01/323689/call-review-> (accessed 27 March 2020).
- Beven, J.P., G. Hall, I. Froyland, B. Steels and D. Goulding. 2005. Restoration or renovation? Evaluating restorative justice outcomes. *Psychiatry, Psychology and Law* 12(1): 194-206. <https://doi.org/10.1375/pplt.2005.12.1.194>
- Bilchik, S. 2010. National reentry resource center addresses juvenile reentry. *Corrections Today Magazine* 72(5): 100-101.

- Bolitho, J. 2015. Putting justice needs first: A case study of best practice in restorative justice. *Restorative Justice: An International Journal* 3(2): 256–281. <https://doi.org/10.1080/20504721.2015.1069531>
- Bolívar, D. 2013. For whom is restorative justice? *Restorative Justice: An International Journal* 1(2): 190–214. <https://doi.org/10.5235/20504721.1.2.190>
- Bouffard, J. and K. Bergseth. 2008. The impact of reentry services on juvenile offenders' recidivism. *Youth Violence and Juvenile Justice* 6(3): 295–318. <https://doi.org/10.1177/1541204007313384>
- Bouffard, J., M. Cooper and K. Bergseth. 2017. The effectiveness of various restorative justice interventions on recidivism outcomes among juvenile offenders. *Youth Violence and Juvenile Justice* 15(4): 465–480. <https://doi.org/10.1177/1541204016647428>
- Bradshaw, W. and D. Roseborough. 2005. Restorative justice dialogue: The impact of mediation and conferencing on juvenile recidivism. *Federal Probation* 69(2): 15–21.
- Bradshaw, W., D. Roseborough and M.S. Umbreit. 2006. The effect of victim offender mediation on juvenile offender recidivism: A meta-analysis. *Conflict Resolution Quarterly* 24(1): 87–98. <https://doi.org/10.1002/crq.159>
- Breen, J. 2008. Prisoners' families and the ripple effects of imprisonment. *Studies: An Irish Quarterly Review* 97(385): 59–71.
- Brogden, M. and P. Nijhar. 2013. *Community policing*. London: Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781843925798>
- Bullis, M. and P. Yovanoff. 2002. Those who do not return: Correlates of the work and school engagement of formerly incarcerated youth who remain in the community. *Journal of Emotional and Behavioral Disorders* 10(2): 66–78. <https://doi.org/10.1177/10634266020100020101>
- Bullis, M., P. Yovanoff, G. Mueller and E. Havel. 2004. The importance of getting started right: Further examination of the facility-to-community transition of formerly incarcerated youth. *Journal of Special Education* 38(2): 80–94. <https://doi.org/10.1177/00224669040380020201>
- Byrnes, M., D. Macallair and A. Shorter. 2002. *Aftercare as afterthought: Reentry and the California Youth Authority*. Center on Juvenile & Criminal Justice.
- Calleja, N.G. 2019. Translating research into practice: Designing effective reentry services for adolescent offenders. *Aggression and Violent Behavior* 44: 18–23. <https://doi.org/10.1016/j.avb.2018.11.003>
- Cavanagh, C. and E. Cauffman. 2017. The longitudinal association of relationship quality and reoffending among first-time juvenile offenders and their mothers. *Journal of Youth and Adolescence* 46(7): 1533–1546. <https://doi.org/10.1007/s10964-017-0679-3>
- CRCM (Child Rights Coalition Malaysia). 2012. *Status report on children's rights in Malaysia*. [https://www.unicef.org/malaysia/Report\\_on\\_Childrens\\_Rights.pdf](https://www.unicef.org/malaysia/Report_on_Childrens_Rights.pdf) (accessed 2 June 2020).
- Clear, T.R. and D.R. Karp. 2000. Toward the ideal of community justice. *National Institute of Justice Journal* 245: 21–27. <https://doi.org/10.1037/e527562006-006>

- Cullen, F.C., C.L. Jonson and D.S. Nagin. 2011. Prisons do not reduce recidivism: The high cost of ignoring science. *The Prison Journal* 91(3): 48S–65S. <https://doi.org/10.1177/0032885511415224>
- Cullen, F.T. and P. Gendreau. 2000. Assessing correctional rehabilitation: Policy, practice, and prospects. In *Policies, processes, and decisions of the criminal justice system, criminal justice*, Vol. 3, ed. J. Horney, 109–175. US: National Institute of Justice, U.S. Department of Justice.
- Cumming, T.M. 2018. Supporting the transition of incarcerated youth back to the community: A multi-systemic wrap around approach. In *Incarcerated Youth transitioning back to the community*, ed. S.C. O’Neill, 77–94. Singapore: Springer. [https://doi.org/10.1007/978-981-13-0752-2\\_6](https://doi.org/10.1007/978-981-13-0752-2_6)
- Daly, K. 2013. The punishment debate in restorative justice. In *The SAGE handbook of punishment and society*, eds. J. Simon and R. Sparks, 356–374. Thousand Oaks: SAGE Publications Ltd. <https://www.doi.org/10.4135/9781446247624.n18>
- \_\_\_\_\_. 2000. Revisiting the relationship between retributive and restorative justice. In *Restorative justice: Philosophy to practice*, eds. H. Strang and J. Braithwaite, 33–54. London: Routledge.
- Davies, R. and L. Bartels. 2020. Challenges of effective communication in the criminal justice process: Findings from interviews with victims of sexual offences in Australia. *Laws* 9(4): 31. <https://doi.org/10.3390/laws9040031>
- De Neuilly, R.M. 2008. The victimological impact of heroin abuse on the family: A study in progress. *Acta Criminologica* 2008: 96–116.
- Dusuki, F.N. 2010. Implementation of article 12 in juvenile justice system in Malaysia, speak, participate and decide the child’s right to be heard. UN Committee on the Rights of the Child. [http://www.crin.org/docs/GDD\\_2006\\_UNICEF\\_Malaysia2.doc](http://www.crin.org/docs/GDD_2006_UNICEF_Malaysia2.doc)
- Farrar, S. A. 2009. The ‘new’ Malaysian Criminal Procedure: Criminal Procedure (Amendment) Act 2006. *Asian Journal of Criminology* 4: 129–144. <https://doi.org/10.1007/s11417-009-9064-9>
- Fox, K. J. 2015. Trying to restore justice: Bureaucracies, risk management, and disciplinary boundaries in New Zealand criminal justice. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology* 59(5): 519–538. <https://doi.org/10.1177/0306624X13511403>
- Fritz, D. 2005. *A vital Christian presence in social work*. North American Association of Christians in Social Work. Illionis: North American Association of Christians in Social Work.
- Geshina Ayu Mat Saat, Zaiharul Idrus and Nor Hafizah Nor Hamid. 2013. Contextualising institutionalised prevention of recidivism among Malaysian petty criminals. Annual Conference of European Society of Criminology, Budapest. 4–7 September.
- Gies, S.V. 2003. Aftercare services. Office of Juvenile Justice and Delinquency Prevention.
- Gottschall, J. and M. Armour. 2011. Second chance: Establishing a reentry program in the northern district of Illinois. *Depaul Journal for Social Justice* 5(1): 31–69.

- Hanson, R.F., G.K. Sawyer, A.M. Begle and G.S. Hubel. 2010. The impact of crime victimization on quality of life. *Journal of Traumatic Stress* 23(2): 189–197. <https://doi.org/10.1002/jts.20508>
- Hotaling, G.T. and E.S. Buzawa. 2003. *Victim satisfaction with criminal justice case processing in a model court setting*. Washington DC: Department of Justice. <https://doi.org/10.1037/e530722006-001>
- Howell, J.C., M.R. Kelly, J. Palmer and R.L. Mangum. 2004. Integrating child welfare, juvenile justice, and other agencies in a continuum of services. *Child Welfare* 83(2): 143–156.
- JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat). 2014. *Laporan statistik JKM 2013*. Putrajaya: JKM.
- \_\_\_\_\_. 2015. *Laporan Statistik JKM 2014*. Putrajaya: JKM.
- \_\_\_\_\_. 2016. *Laporan statistik JKM 2015*. Putrajaya: JKM.
- \_\_\_\_\_. 2017. *Laporan statistik JKM 2016*. Putrajaya: JKM.
- \_\_\_\_\_. 2018. *Laporan statistik JKM 2017*. Putrajaya: JKM.
- \_\_\_\_\_. 2019. *Laporan statistik JKM 2018*. Putrajaya: JKM.
- \_\_\_\_\_. 2020. *Laporan statistik JKM 2019*. Putrajaya: JKM.
- Jacobson, J. 2015. ‘Community’ knows best? Community involvement in criminal justice. In *The management of change in criminal justice*, eds. M. Wasik and S. Santatzoglou, 80–97. Basingstoke and New York: Palgrave Macmillan. <https://doi.org/10.1057/97811374624975>
- Jain, S., A.K. Cohen, P. Jagannathan, Y. Leung, H. Bassey and S. Bedford. 2018. Evaluating the implementation of a collaborative juvenile reentry system in Oakland, California. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology* 62(12): 3662–3680. <https://doi.org/10.1177/0306624X18755480>
- Karp, D.R. and T.R. Clear. 2000. Community justice: A conceptual framework. In *Boundary changes in criminal justice organizations*, ed. C.M. Friel, 323–368. Washington DC: National Institute of Justice.
- KPWKM (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) and UNICEF Malaysia. 2013. *The Malaysian juvenile justice system: A study of mechanisms for handling children in conflict with the law*. <http://www.iccwtnispcanarc.org/upload/pdf/1672867150Malaysian%20Juvenile%20Justice%20System.pdf> (accessed 21 June 2020).
- Kubek, J.B., C. Tindall-Biggins, K. Reed, L.E. Carr and P.A. Fenning. 2020. A systematic literature review of school reentry practices among youth impacted by juvenile justice. *Children and Youth Services Review* 110: 104773. <https://doi.org/10.1016/j.chilyouth.2020.104773>
- Latimer, J., C. Dowden and D. Muijs. 2005. The effectiveness of restorative justice practices: A meta-analysis. *The Prison Journal* 85(2): 127–144. <https://doi.org/10.1177/0032885505276969>
- Leve, L.D. and P. Chamberlain. 2005. Association with delinquent peers: Intervention effects for youth in the juvenile justice system. *Journal of Abnormal Child Psychology* 33(3): 339–347. <https://doi.org/10.1007/s10802-005-3571-7>
- McCold, P. 2000. Toward a mid-range theory of restorative criminal justice: A reply to the Maximalist model. *Contemporary Justice Review* 3(4): 357–414.

- Mears, D. and J. Travis. 2004. *The dimensions, pathways, and consequences of youth reentry: Research report*. Washington DC: The Urban Institute. <https://doi.org/10.1037/e690662011-001>
- Mika, H., M. Achilles, E. Halbert, L.S. Amstutz and H. Zehr. 2004. Listening to victims: A critique of restorative justice policy and practice in the United States. *Federal Probation* 68(1): 32–38.
- Miller, L.S., K.M. Hess and C.H. Orthmann. 2013. *Community policing: Partnerships for problem solving*. Boston, Massachusetts: Cengage Learning.
- Mills, A. and H. Codd. 2008. Prisoners' families and offender management: Mobilizing social capital. *Probation Journal* 55(1): 9–24. <https://doi.org/10.1177/0264550507085675>
- Mowen, T.J., R. Stansfield and J.H. Boman IV. 2019. Family matters: Moving beyond “if” family support matters to “why” family support matters during reentry from prison. *Journal of Research in Crime and Delinquency* 56(4): 483–523. <https://doi.org/10.1177/0022427818820902>
- Muhammad Rashid Rajuddin and Dayana Farzecha. 2010. *Persepsi pelatih lelaki Sekolah Henry Gurney, Telok Mas Melaka terhadap program latihan kemahiran vokasional yang dijalankan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nasimah Hussin. 2011. Punitive justice in the Malaysian criminal law: Balancing the rights of offenders with those of the victims. *Journal of Applied Sciences Research* 7(13): 2399–2404.
- National Research Council. 2013. *Reforming juvenile justice: A developmental approach. Committee on assessing juvenile justice reform*. Washington DC: The National Academies Press. <https://doi.org/10.17226/14685>
- Nadzriah Ahmad and Habibah Kiprawi. 2012. *A critical study on the pre-trial process in the juvenile justice system in Malaysia under the Child Act 2001*. Kuala Lumpur: Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Malaysia, Jabatan Perdana Menteri and Research Management Institute.
- Norazla Abdul Wahab, Mohd Al Adib Samuri, Zuliza Mohd Kusrin and Anita Abdul Rahim. 2012. Legal issues in sentencing child offenders in Malaysia. *Advances in Natural and Applied Sciences* 6(7): 1093–1098. <http://doi.org/10.5539/ass.v10n4p93>
- Ogle, M.R. and J.J. Turanovic. 2019. Is getting tough with low-risk kids a good idea? The effect of failure to appear detention stays on juvenile recidivism. *Criminal Justice Policy Review* 30(4): 507–537. <https://doi.org/10.1177/0887403416682299>
- Ofori-Dua, K., K.O. Akuoko and V. de Paul Kanwetuu. 2015. Unanticipated consequences of imprisonment on families of prison inmates of Kumasi Central Prison of Ghana. *International Journal of Social Science Studies* 3(3): 185–196. <https://doi.org/10.11114/ijsss.v3i3.786>
- Patterson, G.T. and W.K. Graham. 2018. *Clinical interventions in criminal justice settings: Evidence-based practice*. Amsterdam: Academic Press. <https://doi.org/10.1016/B978-0-12-811381-3.00011-1>
- Rosansky, J. 2010. *Reducing recidivism: Stopping the trend of criminal relapse in America*. <https://www.palmbeachstate.edu/honors/sabiduria/spring-2010.aspx> (accessed 23 April 2020).

- Ross, J.I. 2011. *Policing issues: Challenges & controversies*. Burlington, Massachusetts: Jones & Bartlett Publishers.
- Ryan, J.P., R.K. Davis and Y. Yang. 2001. Reintegration services and the likelihood of adult imprisonment: A longitudinal study of adjudicated delinquents. *Research on Social Work Practice* 11(3): 321–337. <https://doi.org/10.1177/104973150101100303>
- Sawin, J.L. and H. Zehr. 2006. The ideas of engagement and empowerment. In *Handbook of restorative justice*, eds. G. Johnstone and D.W. van Ness, 41–58. London & New York: Taylor & Francis.
- Sharp, S. 2005. *Hidden victims: The effects of the death penalty on families of the accused*. New Jersey: Rutgers University Press.
- Shivy, V., J. Wu, A. Moon, S. Mann, J. Holland and C. Eacho. 2007. Ex-offenders reentering the workforce. *Journal of Counseling Psychology* 54(4): 466–473. <https://doi.org/10.1037/0022-0167.54.4.466>
- Song, H., Y. Woo, H.D. Lee and J.K. Cochran. 2018. The dynamics of intra-family relationships during incarceration and the implications for children of incarcerated parents. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology* 62(12): 3775–3796. <https://doi.org/10.1177/0306624X18755481>
- Standing Committee on Community Services and Social Equity. 2004. *The forgotten victims of crime: Families of offenders and their silent sentence*. Legislative Assembly for the ACT.
- Steinberg, L., H. Chung and M. Little. 2004. Reentry of young offenders from the justice system: A developmental perspective. *Youth Violence and Juvenile Justice* 2(1): 21–38. <https://doi.org/10.1177/1541204003260045>
- Stewart, E.A., R.L. Simons, R.D. Conger and L.V. Scaramella. 2002. Beyond the interactional relationship between delinquency and parenting practices: The contribution of legal sanctions. *Journal of Research in Crime and Delinquency* 39(1): 36–59. <https://doi.org/10.1177/002242780203900102>
- Taufik Mohammad. 2015. The readiness of stakeholders in the criminal justice system on the implementation of restorative justice in Malaysia. PhD diss., Universiti Sains Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 2020. The readiness of various communities for the implementation of restorative justice in the community setting: A perspective of community organization. *International Social Work* 63(3): 386–398. <https://doi.org/10.1177/0020872818796152>
- Taufik Mohammad and Azlinda Azman. 2014. Restorative justice in relation to collectivism/individualism, shyness, and conflict resolution method preference. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 22(1): 217–231.
- Taufik Mohammad, Azlinda Azman and B. Anderstone. 2019. The global three: A Malaysian lens on the challenges and opportunities facing restorative justice planning and implementation. *Evaluation and Program Planning* 72: 1–7. <https://doi.org/10.1016/j.evalprogplan.2018.09.007>
- Travis, J., A. Solomon and M. Waul. 2001. *From prison to home: The dimensions and consequences of prisoner reentry*. Washington DC: Urban Institute. <https://doi.org/10.1037/e720982011-001>

- Tyler, T.R. 2006. Restorative justice and procedural justice: Dealing with rule breaking. *Journal of Social Issues* 62(2): 307–326. <https://doi.org/10.1111/j.1540-4560.2006.00452.x>
- Tyler, T.R. and J. Fagan. 2008. Legitimacy and cooperation: Why do people help the police fight crime in their communities? *Ohio State Journal of Criminal Law* 6: 231–275.
- Tyler, T. R., P.A. Goff and R.J. MacCoun. 2015. The impact of psychological science on policing in the United States: Procedural justice, legitimacy, and effective Law enforcement. *Psychological Science in the Public Interest* 16(3): 75–109. <https://doi.org/10.1177/1529100615617791>
- Umbreit, M.S. 1989. Crime victims seeking fairness, not revenge: Toward restorative justice. *Federal Probation* 53(3): 52–57.
- Villotti, P., M. Corbière and S. Guay. 2020. Posttraumatic stress disorder and quality of life in victims of a violent act at work: A longitudinal study. *Psychological Trauma: Theory, Research, Practice, and Policy* 12(3): 313–319. <https://doi.org/10.1037/tra0000491>
- Visher, C. and J. Farrell. 2005. *Chicago communities and prisoner reentry*. Washington DC: Urban Institute. <https://doi.org/10.1037/e720022011-001>
- Visher, C.A., P.K. Lattimore, K. Barrick and S. Tueller. 2017. Evaluating the long-term effects of prisoner reentry services on recidivism: What types of services matter? *Justice Quarterly* 34(1): 136–165. <https://doi.org/10.1080/07418825.2015.1115539>
- Wemmers, J.-A. 2002. Restorative justice for victims of crime: A victim-oriented approach to restorative justice. *International Review of Victimology* 9(1): 43–59. <https://doi.org/10.1177/026975800200900104>
- \_\_\_\_\_. 2013. Victims' experiences in the criminal justice system and their recovery from crime. *International Review of Victimology* 19(3): 221–233. <https://doi.org/10.1177/0269758013492755>
- Wiebush, R.G., B. McNulty and T. Le. 2000. *Implementation of the intensive community-based aftercare program*. Washington DC: Office of Juvenile Justice and Delinquency Prevention.
- Zehr, H. and A. Gohar. 2002. *The little book of restorative justice*. Intercourse, Pennsylvania: Good Books.